



Rujukan Kami : JANM.BPPP.500-6/6/4 ( 48 )  
Tarikh : 5 Oktober 2021

Ketua Jabatan Persekutuan

Ketua Jabatan Negeri

Ketua Akauntan Kementerian

Bendahari/Akauntan Negeri

Ketua Agensi Badan Berkanun

Ketua Agensi Pihak Berkuasa Tempatan

YBhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

**PERSIDANGAN PEMBANTU AKAUNTAN SEKTOR AWAM (PERBAKTI) KALI KE – 9  
TAHUN 2021**

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) bersama Persatuan Pembantu Akauntan Sektor Awam Malaysia (PERBAKTI) akan menganjurkan **Persidangan Pembantu Akauntan Sektor Awam Kali Ke – 9 Tahun 2021** dengan tema “**Perakaunan Digital Evolusi Negara**” seperti ketetapan berikut:

**Tarikh : 1 – 2 November 2021 (Isnin hingga Selasa)**

**Tempat : Secara dalam talian**

3. Permohonan untuk menyertai persidangan ini boleh dibuat secara dalam talian dengan melayari Portal Rasmi JANM [www.anm.gov.my](http://www.anm.gov.my) selepas mendapat kebenaran **Ketua Jabatan masing-masing. Tarikh tutup permohonan adalah pada 15 Oktober 2021 (Jumaat)**. Pengesahan penyertaan dan surat jemputan persidangan boleh disemak di Portal Rasmi JANM pada **18 Oktober 2021**. Atur cara persidangan adalah seperti di **Lampiran A** dan Maklumat Penyertaan di **Lampiran B**.

4. Sehubungan dengan itu, adalah diharapkan YBhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan dapat memaklumkan dan membenarkan Pembantu Akauntan dan Pembantu Tadbir (Kewangan) di kementerian/jabatan masing-masing untuk menyertai persidangan ini.



**ATUR CARA PROGRAM  
PERSIDANGAN PEMBANTU AKAUNTAN SEKTOR AWAM  
KALI KE – 9 TAHUN 2021  
PADA  
1 - 2 NOVEMBER 2021**

<b>ISNIN (01/11/2021)</b>	
8.00 pg – 8.15 pg	Pendaftaran dan persediaan peserta untuk menyertai platform atas talian
8.15 pg – 9.15 pg	Majlis Perasmian Persidangan <b>AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA - JANM</b>
9.30 pg – 11.30 pg	Sesi Pembentangan 1 – Modul modal insan <b>“Etiket: Sosial Media”</b> <b>Hafiz Mustapha “Cutecarry”</b>
11.30 pg – 1.00 ptg	Sesi Pembentangan 2 – Modul modal insan <b>“Transformasi diri, Perubahan Mindset dan Kuasa Komunikasi”</b> <b>Dr. Tengku Asmadi bin Tengku Mohamad</b>
1.00 ptg – 2.00 ptg	<b>Rehat</b>
2.00 ptg – 4.00 ptg	Sesi Pembentangan 3 – Modul Robotik dan Digitalitan <b>“Keupayaan Individu Mendepani Transformasi Digital”</b> <b>Puan Azlinda binti Abdullah</b>
4.00 ptg	Bersurai
<b>SELASA (02/11/2021)</b>	
8.00 pg – 8.15 pg	Persediaan peserta untuk menyertai platform atas talian
8.30 pg – 10.30 pg	Sesi Pembentangan 4 – Modul Kesihatan Mental <b>“Cara Menangani Emosi Semasa Pandemik”</b> <b>Dr. Nurashikin binti Ibrahim</b>
11.00 pg – 1.00 ptg	Sesi Pembentangan 5 – Modul Perakaunan <b>“Pengurusan Aset Kerajaan”</b> <b>Encik Rajendran a/l Arjunan</b>
1.00 ptg – 2.00 ptg	<b>Rehat</b>
2.00 ptg – 4.00 ptg	Sesi Pembentangan 6 – Modul Kerjaya <b>“Dimanakah Hak Kami? Adakah Masih Relevan?”</b> <b>Tuan Haji Zaharin bin Othman</b>
4.00 ptg – 4.15 ptg	<b>Rehat</b>
4.15 ptg – 5.00 ptg	Majlis Penutup <b>Timbalan Akauntan Negara (Korporat) JANM</b>

**MAKLUMAT PENYERTAAN**

**PERSIDANGAN PEMBANTU AKAUNTAN SEKTOR AWAM  
KALI KE – 9 TAHUN 2021**

1. Yuran Penyertaan : i) Pembantu Akauntan : RM450.00 seorang  
ii) Pembantu Tadbir (Kewangan) : RM550.00 seorang
2. Penyertaan hanya terbuka kepada PEMBANTU AKAUNTAN dan PEMBANTU TADBIR (KEWANGAN) sahaja. Keutamaan kepada **Ahli PERBAKTI**.
3. Semua pembayaran hendaklah dibuat atas nama:

**Persatuan Pembantu Akauntan Sektor Awam Malaysia (PERBAKTI)**

**No. Akaun** : 105490002241  
**Nama Bank** : Affin Islamic Bank Berhad  
**Cawangan** : Putrajaya  
**Kod Item** : 86101811  
**Kod Pembekal** : eP-1601K000C  
**No. Pendaftaran** : PPM-008-16-19102009

4. Pembayaran boleh dibuat sama ada secara *Electronic Fund Transfer* (EFT), Pesanan Tempatan (LO) atau Tunai semasa pendaftaran persidangan. Pembayaran hendaklah menggunakan alamat seperti di bawah:

**Persatuan Pembantu Akauntan Sektor Awam Malaysia (PERBAKTI)**

Jabatan Akauntan Negara Malaysia  
Bahagian Perkhidmatan Operasi Pusat dan Agensi (BPOPA)  
Aras 3, Kompleks Kementerian Kewangan  
No. 1, Persiaran Perdana, Presint 2  
62594 PUTRAJAYA

5. Sebarang pembatalan penyertaan adalah tidak dibenarkan dan wang penyertaan tidak akan dikembalikan. Walau bagaimanapun pertukaran dengan pegawai lain adalah dibenarkan.
6. **Tarikh tutup permohonan adalah pada 15 Oktober 2021 (Jumaat)** dan permohonan adalah terhad kepada 500 penyertaan terawal sahaja.